



### 03 NOVEMBER 2019 KEJOHANAN SEPAK TAKRAW JEMPUTAN MTUN & ASEAN

- Pusat Sukan UTHM dengan kerjasama Pasukan Sepak Takraw UTHM telah menganjurkan Kejohanan Sepak Takraw Jemputan MTUN & ASEAN 2019. Pasukan yang bertanding adalah PSTI Batam Indonesia, Singapura, UTHM, UTeM, UNIMAP dan UMP.
- Turut diadakan Klinik Sepak Takraw bagi Murid Sekolah Rendah, Pertandingan Sepak Takraw Antara Sekolah, cabutan bertuah dan Sepak Takraw Challenge

### 05 HINGGA 09 NOVEMBER 2019 KEJOHANAN VARSITY BOAT RACE 2019

- Tahniat diucapkan kepada Pasukan Rowing UTHM yang telah menyertai kejohanan ini di Kompleks Sukan Air Putrajaya anjuran KPM dan PERDAMA. Terima kasih juga diucapkan kepada YBrs. Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad, TNC (HEPA) dan En. Azli Puddin, Pengarah PSU di atas kehadiran memberikan sokongan kepada pasukan.
- Pencapaian pasukan: EMAS- Open Men Eight plus (OM8+) Alumni- Junior Men Four Minus (JM4-)-Junior Women Four Minus (JW4-)-PERAK- Men Eight Plus (M8+)-GANGSA- Men Four Minus (M4-)- Women Four Minus (W4-)- Men Single Scull (MX1)



### 06 NOVEMBER 2019 SIDANG MEDIA KEJOHANAN SILAT ANTARABANGSA DAN KEJUARAAN SILAT SENI ASLI TERBUKA EDISI KE -10

- Seramai 1,200 peserta dari 70 pasukan telah berentap memburu 49 pingat emas dalam lima kategori yang dipertandingkan pada Kejohanan Silat Antarabangsa dan Kejuaraan Silat Seni Asli Terbuka Edisi ke -10 bermula 25 hingga 30 November 2019 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).
- Kejohanan yang memasuki edisi ke 10 ini disertai 11 pasukan bagi kategori IPT Antarabangsa, 26 pasukan IPT Tempatan dan 33 pasukan kategori Silat Seni Asli Terbuka.



### 08 HINGGA 09 NOVEMBER 2019 KARNIVAL SUKAN ANAK JOHOR

- Tahniat diucapkan kepada Pasukan Bola Baling UTHM yang telah merangkul tempat ke-2 dan ke-4 bagi Karnival Sukan Anak Johor 2019 yang bertempat di Edu Hub Pagoh.
- Berikut adalah senarai pemenang:  
Lelaki : Johan : UIA A. Naib Johan : UTHM B. KE-3 : UKM  
Perempuan: Johan : UKM. Naib Johan : UMP. KE-3 : UIA







## 10 NOVEMBER 2019 LAWATAN KE PUSAT SUKAN TUMPUAN

- Pelajar-pelajar subjek UQS2031 KOQ Silat Olahraga Universiti Malaysia Pahang telah mengadakan lawatan ke Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sebagai platform berkongsi idea dan pendapat mengenai perkembangan dan pembangunan silat di IPT.

## 16 NOVEMBER 2019 KEJOHANAN BADMINTON TERTUTUP PAGOH 2019

- Pasukan Badminton UTHM dengan kerjasama Pejabat Pentadbiran UTHM Kampus Pagoh telah menganjurkan Kejohanan Badminton Tertutup Pagoh 2019.
- Kejohanan pada kali ini mempertandingkan Kategori Lelaki dan Wanita dan mendapat penyertaan yang amat menggalakkan. Ianya merupakan usaha dan inisiatif dalam meningkatkan pembangunan sukan badminton di UTHM Kampus Pagoh.



## 16 NOVEMBER 2019 KEJOHANAN TERTUTUP NOVEMBER CHALLENGE UTHM 2019

- Tahniah diucapkan kepada Pasukan Bola Baling UTHM kerana telah menjadi juara kategori lelaki dan tempat ke-3 bagi kategori wanita dalam Kejohanan Tertutup November Challenge UTHM 2019 yang berlangsung pada 16 Nov 2019 bertempat di Gelanggang Sebaguna UTHM.



## 17 NOVEMBER 2019 KEJOHANAN 4TH FAST FACT OPEN UPSI

- Pasukan Taekwondo UTHM telah berjaya memperolehi 3 Pingat Perak dan 3 Gangsa di kejohanan 4th Fast Fact Open UPSI ini.
- Senarai pemenang adalah seperti berikut:
  - Lydia binti Isharuddin (PPD) Kategori: Female Feather. Pingat: Perak.
  - Muhammad Imran bin Zolfa (FKEE) Kategori: Male Feather. Pingat: Perak
  - Hakimi Bin Johari (FKAAS) Kategori: Male Middle. Pingat: Perak
  - Sofia Aqilah bt Ridzuan (PPD) Kategori: Female Fin. Pingat: Gangsa
  - Nik Amirul Aiman bin Luddin (PPD) Kategori: Male Middle. Pingat: Gangsa
  - M. Fathi bin Mohd Zain (FKEE) Kategori: Male Middle. Pingat: Gangsa





## 17 NOVEMBER 2019 KEJOHANAN KABADDI ANTARA IPT

- Tahniah diucapkan kepada Pasukan Kabaddi UTHM yang telah menyertai Kejohanan Kabaddi Antara IPT anjuran Universiti Nilai bertempat di Nilai Universiti. Penganjuran pada kali ini telah disertai oleh 9 IPT dari seluruh Malaysia.
- Pasukan Kabaddi UTHM telah menghantar 2 pasukan (UTHM A dan UTHM B ) bagi penyertaan pada kali ini dengan pencapaian Naib Johan (UTHM A).

## 21 NOVEMBER 2019 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN (BAHAGIAN PENGURUSAN ACARA DAN FASILITI)

- Mesyuarat bersama Pengurus Pasukan Pelajar UTHM telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama. Mesyuarat ini memberikan fokus kepada peranan Bahagian Pengurusan Acara dan Korporat & Fasiliti kepada pembangunan pasukan pelajar. Maklumat bagi keperluan pasukan juga turut dikenalpasti sebagai persediaan bagi tahun 2020.



## 21 NOVEMBER 2019 MESYUARAT KOLABORASI UTHM - MSNJ

- Telah diadakan mesyuarat inisiatif kolaborasi akademik dan sukan antara UTHM dan MSNJ. Selain itu, turut dibincangkan cadangan MOU di antara UTHM dan MSNJ. Diharapkan agar inisiatif ini dapat direalisasikan bagi meningkatkan pembangunan dan pencapaian sukan di Negeri Johor seterusnya melahirkan "THE THINKING ATHLETE".



## 21 NOVEMBER 2019 SESI PERKONGSIAN ILMU DI PSU

- Bahagian Pengurusan Acara dan Korporat & Fasiliti, PSU telah menjalankan slot Perkongsian Ilmu berkaitan Pengurusan Kemudahan Sukan UTHM kepada staf-staf di PSU. Slot telah diketuai oleh En. Muhammad Yazid selaku Ketua Unit Fasiliti. Staf didedahkan dengan pengendalian sprinkler di turf hoki serta kerja-kerja operasi di Stadium UTHM. Diharapkan agar slot ini dapat membantu PSU memperkasakan pengurusan fasiliti seterusnya meningkatkan semangat kerjasama dalam kalangan staf PSU.







## 21 NOVEMBER 2019 PAMERAN ROWING SEMPERNA MECHYPRENEUR 6.0

- Pasukan Rowing UTHM telah menghadiri jemputan program bagi mengadakan demo pertunjukan penggunaan mesin ergo rowing (ergometer machine) sempena penganjuran Mechypreneur 6.0 yang telah berlangsung pada 20 hingga 21 November 2019 bertempat di Foyer Dewan Kuliah A, Blok G3, UTHM. Program ini adalah di bawah anjuran Kursus Keusahawanan (BDA 41002) dengan kerjasama Persatuan Pelajar Mekanikal (PPM) dan Pusat Teknousahawan Pelajar (PTP).

## 22 NOVEMBER 2019 TAKLIMAT KEM LATIHAN PUSAT SILAT

- Telah berlangsung sesi Taklimat Kem Latihan Pusat Fasa Akhir Pasukan Silat UTHM BlackHawk ke Kejohanan Silat Antarabangsa & Kejuaraan Silat Seni Asli Terbuka Edisi Ke-10, 2019 bersama En.Azli bin Puddin, Pengarah Pusat Sukan Universiti, UTHM.



## 23 NOVEMBER 2019 BENGKEL SUKARELAWAN

- Telah berlangsung Bengkel Sukarelawan bagi penganjuran Kejohanan Silat Antarabangsa & Kejuaraan Silat Seni Asli Terbuka Edisi Ke-10, 2019 diketuai oleh En. Jasnizam Sami selaku Ketua Sekretariat bagi penganjuran edisi ini.



## 23 NOVEMBER 2019 KEJOHANAN CATUR TERBUKA BATU PAHAT

- Tahniah diucapkan kepada Pasukan Catur UTHM yang telah menyertai Kejohanan Catur Terbuka Batu Pahat pada 23 November 2019 bertempat di Pusat Membeli-Belah Summit, Batu Pahat. Pasukan Catur UTHM telah menghantar penyertaan seramai 14 orang atlet ke kejohanan ini dan 8 orang atlet berjaya membawa pulang pingat kejohanan.







**24 NOVEMBER 2019**

## MEMPERKENALKAN PASUKAN KEPADA YBHG DATUK NC



- Memperkenalkan barisan jurulatih dan atlet Pasukan PST dan UTHM kepada YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly, Naib Canselor UTHM yang akan mewakili pasukan UTHM dan Malaysia PST ke Kejohanan Silat Antarabangsa & Kejuaraan Silat Seni Asli Terbuka Edisi Ke-10, 2019.

**25 HINGGA 30 NOVEMBER 2019**

## KEJOHANAN SILAT ANTARABANGSA DAN KEJUARAAN SILAT SENI ASLI TERBUKA EDISI KE-10, 2019

- Kejohanan silat anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersama UTHM selaku Pusat Tumpuan Silat IPT ini mendapat penyertaan sebanyak 70 pasukan iaitu 10 pasukan kategori IPT Antarabangsa, 27 pasukan kategori IPT Tempatan dan 37 pasukan bagi Kategori Silat Seni Asli Terbuka, dengan penyertaan enam negara dari Thailand, Singapura, Indonesia, Belanda, Yaman dan Malaysia. 2 orang pelajar UTHM berjaya mewakili Malaysia PST ke peringkat IPT Antarabangsa. Pasukan UTHM telah berjaya memenangi 2 pingat emas, 2 perak dan 5 gangsa.



**29 NOVEMBER 2019**

## VASEF'19 FUTSAL TOURNAMENT



- Tahniah diucapkan kepada Pasukan Futsal UTHM yang telah menyertai VASEF '19 Futsal Tournament 2019 yang telah berlangsung pada 29 Nov 2019 di Indoor Court Shared Facility EDU HUB Pagoh.
- Pencapaian pasukan adalah seperti berikut:  
JOHAN : Stepup UTHM 2  
KETIGA : Stepup UTHM 1

## 30 NOVEMBER 2019 SOUTHERN DUATHLON 2019

- Pasukan Berbasikal UTHM telah menyertai Southern Duathlon 2019 pada 30 November 2019 bertempat di Gunung Lambak, Kluang. Pasukan Berbasikal UTHM telah berjaya memenangi pingat gangsa yang diwakili oleh Saudara Muhammad Ashek bin Mohamed Nazarulla dan En. Zakaria Sabran.







**30 NOVEMBER 2019**

## KEJOHANAN PETANQUE DOUBLE TERTUTUP JOHOR



- Tahniah diucapkan kepada Pasukan Petanque UTHM yang telah menyertai Kejohanan Petanque Double Tertutup Johor 2019 pada 30 November 2019 bertempat di Arena Petanque Taman Flora, Batu Pahat. Berikut adalah pencapaian pasukan:
  - Tempat ke 3 & 4 Bersama1.Mohd Zulwali Kiflee bin Mahamad (FKMP)
  - Tempat ke 2.Muhamad Akif bin Abd Latif (FKMP)

**30 NOVEMBER 2019**

## VASEF'19 BASKETBALL TOURNAMENT

- Tahniah diucapkan kepada Pasukan Bola Keranjang UTHM yang telah menyertai IIUM Pagoh VASEF '19 Basketball Tournament pada 30 November 2019 bertempat di Indoor Court Shared Facility EDU HUB, Pagoh. Pasukan UTHM telah berjaya dinobatkan sebagai juara bagi kejohanan pada kali ini.



**30 NOVEMBER 2019**

## PERTANDINGAN KAYAK SPRINT & SLALOM 2019



- Tahniah diucapkan kepada Pasukan Kayak UTHM yang telah menyertai Pertandingan Kayak Sprint & Slalom 2019 pada 30 November 2019 bertempat di Dataran Sungai Melaka. Pencapaian pasukan adalah seperti berikut:
  - JOHAN : Zainarul Aswad Bin Razali (FKAAS)
  - Ke-4: M. Adam bin Mohmad Nazeri (FKMP) & Imran Syazwan Bin Abd Rahman (FKAAS)

## 06 HINGGA 08 DISEMBER 2019 KEM SUKAN UTHM

- Kem Sukan UTHM telah berlangsung dengan jayanya di Pusat Latihan Minda Emas (PUMAS) UTHM. Program ini telah mengumpulkan 70 atlet UTHM yang mewakili pasukan masing-masing. Para pelajar telah didedahkan dengan pelbagai modul yang melibatkan kepimpinan, intergriti, pemantapan pasukan dan kerja berpasukan. Turut diadakan program kerohanian seperti kuliah dan qiamulail.







**07 DISEMBER 2019**

## **KEJOHANAN HOKI 7'S UTHM SUPER LEAGUE 2019**

- Buat julung kalinya Kejohanan Hoki 7's UTHM Super League 2019 telah diadakan melibatkan penyertaan dari UTHM Kampus Parit Raja dan Kampus Pagoh.
- Moga usaha dan inisiatif ini akan meningkatkan pembangunan sukan hoki di UTHM seterusnya melahirkan pemain-pemain hoki yang berkualiti.



**07 DISEMBER 2019**

## **KEJOHANAN BADMINTON PIALA TNC HEPA 2019**

- Telah diadakan Kejohanan Badminton Piala TNC HEPA 2019 pada 07 Disember di Dewan Badminton UTHM.
- Seramai 17 beregu Lelaki dan 6 beregu Wanita terdiri daripada staf dan pelajar UTHM yang menyertai kejohanan pada kali ini.



**11 DISEMBER 2019**

## **KUNJUNGAN BALAS DELEGASI UNIVERSITAS NEGERI JAKARTA KE UTHM**

- UTHM telah menerima Kunjungan Balas Delegasi Universitas Negeri Jakarta seramai 12 orang yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah. Sesi dimulakan dengan penerangan berkaitan UTHM, PSU dan lawatan ke fasiliti sukan UTHM. Turut dikongsikan info berkaitan SPEARS (Sports Engineering Advancement) oleh Ketua Kumpulan Fokus FKMP, Prof. Madya Dr. Zamani Ngali. Terima kasih pada Pejabat Antarabangsa, FKMP, FPTV dan semua pihak yang menjayakan majlis ini.



**12 HINGGA 14 DISEMBER 2019**

## **BENGKEL SASARAN KERJA TAHUNAN 2020 PSU**

- Bengkel Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2020 Pusat Sukan Universiti telah diadakan pada 12 hingga 14 Disember 2019 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Melaka. Terima kasih diucapkan kepada YBrs. Prof Madya Dr. Afandi Ahmad, TNC (HEPA) atas kesudian hadir untuk berkongsi idea dan pendapat bagi meningkatkan pembangunan dan pengurusan PSU.







## 13 HINGGA 15 DISEMBER 2019 MASUM E-SPORTS CHAMPIONSHIP (MEC) 2019

- Tahniah diucapkan kepada Pasukan E-Sport UTHM yang diwakili oleh Saudara Mohd Aysraf Safwan, Saudara Nik Muhammad Hilmi dan Saudara Mohamad Irsyad Hakimi yang telah mendapat tempat ke-4 Kategori PES dalam MASUM E-Sports Championship (MEC) 2019 yang berlangsung di Ancient Galaxy E-Sport Hub Melaka dari 13 hingga 15 Disember 2019. MEC 2019 Kategori PES telah disertai 16 pasukan dari Universiti Awam, Universiti Swasta, Politeknik dan Kolej Komuniti.



## 16 HINGGA 18 DISEMBER 2019 MAJLIS PENYERAHAN INSENTIF KECEMERLANGAN

- Bengkel Penilaian dan Perancangan Pelaksanaan Program Pembangunan PKS dan PST 2019 Serta Perancangan Bagi Tahun 2020 @ Vistana Hotel, Kuantan ~ 16-18 Disember 2019. UTHM diwakili oleh En. Mohd Hazrin Abd. Rahman.

## 18 DISEMBER 2019 MAJLIS PENYERAHAN INSENTIF KECEMERLANGAN

- Tahniah diucapkan kepada atlet-atlet UTHM (Penyumbang Pingat Sukan Rowing AUG) yang telah menerima insentif kemenangan di Majlis Penyerahan Insentif Kecemerlangan Sukan Atlet IPT 2019 di Putrajaya.
- Penerima insentif adalah Syarifah Che Mahadi, Nurzarinah Zakaria, Amirul Asyraf Mohd Bekeri, Haikal Jamaludin, Muhammad Khasful Rahman Zakaria dan Mohd Arif Ashraf Mohd Rusok



## 19 DISEMBER 2019 PERHIMPUNAN KECERGASAN UTHM SEMPENA MAJLIS PENUTUP KARNIVAL SUKAN STAF UTHM

- Perhimpunan Kecergasan UTHM sempena Majlis Penutup Karnival Sukan Staf 2019 anjuran Kelab Staf UTHM dengan kerjasama Pusat Sukan Universiti telah diadakan di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM.



Hari Kecergasan & Majlis Perasmian Penutup Karnival Sukan Staf UTHM 2019  
19 Disember 2019





## SEPANJANG BULAN NOVEMBER DAN DISEMBER 2019 AKTIVITI GAYA HIDUP SIHAT

- Program gaya hidup sihat ini dijalankan oleh Pusat Sukan Universiti dengan kerjasama staf-staf UTHM berdasarkan kepada pengalaman dan kepakaran individu. Objektif utama adalah untuk membentuk habit ke arah gaya hidup sihat dan mewujudkan sistem sokongan kepada mereka yang ingin beraktiviti.
- Peserta didedahkan dengan kepelbagaian aktiviti yang melibatkan komponen-komponen kecergasan. Selain itu, rujukan video daripada youtube dan aplikasi online juga turut digunakan.
- Aktiviti ini diadakan 3 kali seminggu (Ahad, Selasa dan Khamis) bermula jam 5.30 petang di Studio Aerobik PSU.

